

HIMPUNAN SOALAN KERTAS 1 PERCUBAAN KELANTAN, KOTA TINGGI JOHOR, PERAK, MELAKA, PERLIS, KEDAH, SBP, PUTRAJAYA DAN SARAWAK TAHUN 2023

TINGKATAN 4

BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

1. Kesultanan Melayu Melaka telah berjaya meluaskan pengaruh ke kerajaan berikut.

- Rokan
- Pahang
- Inderagiri

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kerajaan tersebut?

- A Pertuanan
- B Peperangan
- C Perkahwinan
- D Persahahatan

2 Apakah tugas pembesar peringkat jajahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Ketua turus angkatan tentera
- B Mengurus perbendaharaan
- C Pemangku sultan
- D Mengutip cukai

3. Hukum Kanun Melaka turut memberi perhatian kepada isu kekeluargaan.

Mengapakah isu tersebut diberi perhatian?

- A Mengelakkan masalah keruntuhan akhlak
- B Menjaga keharmonian dalam keluarga
- C Memastikan adat perkahwinan dipatuhi
- D Mewajibkan ketua keluarga memainkan peranannya

4 Apakah peranan pembesar dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menggubal undang-undang
- B Menjalin hubungan diplomatik
- C Memelihara keamanan kawasan
- D Menghadiri majlis gotong-royong

5 Maklumat berikut berkaitan Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Peranan Bendahara

- Ketua pentadbir
- Pemangku Sultan
- X

Apakah X?

- A Ketua turus angkatan tentera
- B Pengurus perbendaharaan
- C Pengawal peribadi raja
- D Ketua keselamatan kota

6 Pentadbiran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan sistem pentadbiran pusat dan jajahan. Sistem tersebut menggambarkan tentang

- A kepentingan sistem peperiksaan
- B kebijaksanaan pemerintah
- C keperluan tenaga asing
- D kekuatan ketenteraan

7. Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka berasaskan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Keselamatan kota Melaka terletak di bawah tanggungjawab

- A Temenggung
- B Syahbandar
- C Laksamana
- D Bendahara

8. Maklumat berkaitan dengan Undang-undang Laut Melaka.

Fasal 13.1

Nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama 4hari
Mengapakah nakhoda diberi keistimewaan tersebut?

- A Sebagai wakil kerajaan
- B Khuatir berlaku penipuan
- C Ibarat raja dalam pelayaran
- D Penghormatan daripada pedagang

9 Maklumat berikut merupakan alat kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.

NOBAT
REGALIA
COP MOHOR

Apakah kepentingan alat tersebut ?

- A Menjadi hantaran perkahwinan
- B Merupakan bahan perdagangan
- C Membuktikan kekuatan kerajaan
- D Melambangkan kedaulatan pemerintah

10 Rajah berikut merujuk bidang tugas pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Pembesar	Tugas
Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
Laksamana	X

Apakah X ?

- A Mengetuai utusan luar
- B Mengutip cukai pelabuhan
- C Menjadi panglima angkatan laut
- D Mengawal perbendaharaan negara

11. Senarai berikut merupakan ciri negara bangsa dalam kerajaan Alam Melayu.

- Raja
- X
- Wilayah Pengaruh
- Rakyat

Apakah X?

- A Daulat
- B Pembesar
- C Undang-undang
- D Lambang kebesaran

12 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang sistematik. Apakah sistem pentadbiran tersebut?

- A Pembesar Empat Lipatan
- B Pemerintahan tempatan
- C Raja Berperlembagaan
- D Pentadbiran wilayah

13. Apakah peranan laksamana dalam sistem Pembesar Empat Lipatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengutip cukai
- B Mengurus perbendaharaan
- C Menjaga keamanan di darat
- D Menjaga keselamatan di laut

14 Apakah peranan rakyat kepada pemerintah pada Kesultanan Melayu Melaka?

- A Memberi kesetiaan
- B Menjamin keselamatan
- C Mengukuhkan perpaduan
- D Memelihara keamanan

BAB 2 KEBANGKITAN NASIONALISME

15. Karya berikut dihasilkan oleh ahli falsafah Inggeris iaitu John Locke.

Two Theorises of Government

Apakah kandungan karya tersebut?

- A Cara memilih kerajaan
- B Kaedah pembinaan negara
- C Prinsip raja berperlembagaan
- D Proses menggubal undang-undang

16 Mengapakah tokoh berikut menubuhkan Parti Rakyat di Thailand?

Phibulsongkram

- A Menentang raja berkuasa mutlak
- B Melaksanakan birokrasi Barat
- C. Memperjuangkan pemodenan
- D Mengadakan permuafakatan

17 British berusaha mengawal gerakan Islah Islamiah dengan memperkenalkan

- A Biro Siasatan Awam
- B Biro Pengaduan Awam
- C Cawangan Khas (Special Branch)
- D Biro Siasatan Politik (Political Intelligence Bureau)

18 Maklumat berikut berkaitan layanan tentera Jepun mengikut kaum di Tanah Melayu.

Kaum	Layanan
Melayu	Baik
Cina.	Kejam
India	Baik

Apakah kesan perbezaan layanan tersebut?

- A Penubuhan parti politik

- B Perpaduan kaum renggang
- C Kebangkitan nasionalisme
- D Bersatu menentang penjajah

19 Mengapakah Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) berlaku di England pada tahun 1688?

- A Menghapuskan pemerintahan beraja
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Menamatkan kuasa bangsawan
- D Mengukuhkan perpaduan rakyat

20 Apakah peranan Maharaja Meiji dalam gerakan nasionalisme di Jepun pada tahun 1868?

- A Meluaskan sempadan
- B Memodenkan negara
- C Mengadakan perjanjian
- D Memperbesarkan tentera

Gambar berikut merujuk tokoh nasionalis Thailand pada abad ke-20.

NAI PRIDI PHANOMYONG
FEILD MARSYAL PHIBULSONGKRAM

- 21 Apakah kesan perjuangan mereka ?
- A Kebebasan bergerak disekat
 - B Pentadbiran komunis bermula
 - C Ekonomi kawalan dilaksanakan
 - D Sistem raja berkuasa mutlak berakhir

Maklumat berikut merujuk kepada tokoh intelektual berpendidikan agama.

Syed Sheikh al-Hadi Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

22 Bagaimanakah tokoh tersebut menyebarkan pengaruh mereka ?

- I Menerbitkan akhbar
- II Menubuhkan madrasah
- III Mengadakan persidangan
- IV Menandatangani perjanjian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan isu kasut di Burma. Apakah kesan isu tersebut?

- A Membangkitkan semangat nasionalisme
- B Mencetuskan pembaharuan adat
- C Meningkatkan kuasa bangsawan
- D Mengukuhkan pengaruh penjajah

24 Pada 1930-an, muncul golongan masyarakat India yang lahir di Tanah Melayu dan dikenali sebagai “the Strait born people”. Bagaimanakah masyarakat tersebut memberi kesan kepada perkembangan nasionalisme?

- A Memperjuang hak sama rata
- B Membentuk identiti tersendiri
- C Mengkritik dasar kerajaan kolonial
- D Mengutamakan perkembangan negara asal

25 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme empayar Uthmaniyyah dan Mesir.

Gerakan	Tindakan
Islah	Melepaskan diri dari penjajah
Pan-Islamisme	X

Apakah X?

- A Mengeluarkan fatwa

- B Menghalang pembaharuan
- C Mengadakan kerjasama
- D Memulihkan ekonomi

26 Bagaimanakah tokoh berikut menggerakkan nasionalisme di Filipina?

Jose Rizal

- A Menggerakkan revolusi
- B Melaksanakan pemulihan agama
- C Mempelopori gerakan propaganda
- D Mengadakan permuafakatan parti politik

27. Gerakan Islah di Mesir muncul disebabkan oleh imprealisme barat pada abad ke-19. Apakah seruan gerakan tersebut?

- A Berpandu ideologi demokrasi
- B Mengekal pendidikan tradisional
- C Mengukuh Raja Berperlembagaan
- D Berpegang kepada ajaran Islam sebenar

28 Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negaranya daripada penjajahan Barat. Bagaimanakah pemerintah tersebut mencapai hasratnya?

- A. Kekuatan pembesar tempatan
- B. Bantuan daripada negara luar
- C. Diplomasi dan permodenan
- D. Aspek ketenteraan mantap

29. Jadual berikut berkaitan dengan kejayaan gerakan Revolusi China pimpinan Dr. Sun Yat Sen.

Tahun.	Kejayaan
1911.	Menewaskan kerajaan Manchuria

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Menjamin keselamatan
- B Mengukuhkan hubungan luar
- C Memantapkan sistem pemerintahan tempatan

D Meningkatkan kesedaran menentang penjajah
30 Jadual berikut berkaitan penulisan kreatif sebelum Perang Dunia Kedua.

Penulis Novel

Ishak haji Muhammad (Pak Sako)

- Putera Gunung Tahan

- Anak Mat Lela Gila

Apakah kepentingan penulisan novel tersebut?

I Mencetuskan gerakan Islah

II Memperjuangkan kebebasan wanita

III Membangkitkan kesedaran kebangsaan

IV Meningkatkan kesedaran nikmat kebebasan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV



31 Gambar berikut menunjukkan pelatih sebuah institut yang ditubuhkan oleh Jepun di Tanah Melayu.

Apakah nama institut tersebut?

A Kamikaze

B Kempeitai

C Kita Borunco

D. Kao Kurenjo

32. Persidangan berikut berlaku pada tahun 1927 di Tanah Melayu.

Persidangan India Se-Malaya

Mengapakah persidangan tersebut diadakan?

A Mengukuhkan ekonomi setempat

B Membincangkan isu masyarakat

C. Meningkatkan perpaduan kaum

D Menggalakkan pendidikan ringgi

BAB 3 KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

33 Jerman tidak berpuashati terhadap Perjanjian Versailles.

Mengapakah Jerman bertindak sedemikian?

A Membayar pampasan perang

B Mengehadkan peluasan kuasa

C Memisahkan sempadan negara

D Menghalang kerjasama antarabangsa

34. Maklumat berikut berkaitan reaksi orang Melayu terhadap Bintang Tiga di Tanah Melayu.

Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah


Mengapakah orang Melayu membentuk gerakan tersebut?

A Mengatasi pemberontakan kaum

B Mempertabankan marush bangso

C Mengukuhkan keselamatan rakyat

D Memulikan ekonomi penduduk tempatan



35. Poster berikut berkaitan dengan Perang Dunia Kedua 1939-1945
Apakah mesej di sebalik poster tersebut?

- A Membebaskan Jerman daripada China
- B Jerman berjaya dalam menguasai Rusia
- C Kebangkitan satu kuasa besar yang gah
- D Rusia bebas daripada penaklukan Jerman

36. Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan maruah bangsa dan negara masing-masing selepas Perang Dunia Pertama?

Pemimpin	Negara
Benito Mussolini	Itali
Adolf Hitler	Jerman

- A Mendapatkan tanah jajahan
- B Memulihkan sistem monarki
- C Mengutamakan perdamaian dunia
- D Menyokong negara-negara kapitalis

37. Mengapakah matlamat pertubuhan berikut tidak dapat dilaksanakan?

Pertubuhan	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
Pemimpin	Dr. Burhanuddin al-Helmi Ibrahim Haji Yaakob
Matlamat	Kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia

- A Gerakan Fi-Sabilillah tercetus
- B Tentera Jepun menyerah kalah
- C Pemimpin ditangkap tentera Bintang Tiga
- D Pentadbiran Tentera British diperkenalkan

38. Poster berikut tertera dalam tulisan Jawi, "Ya Allah, terpeliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya".



Mengapakah tentera Jepun menggunakan poster tersebut?

- I Menjamin kemerdekaan
 - II Menamatkan sekatan ekonomi
 - III Memenangkan hati penduduk tempatan
 - IV Menonjolkan imej sebagai penyelamat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

39. Jadual berikut merupakan nama anggota pasukan keselamatan yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Leftenan Adnan Saidi	-Menjulung nama Rejimen Askar Melayu
Leftenan Ibrahim Ala Ditta MC Bersekutu	-Menyelamatkan hampir 2000 tentera
Koperal Yaakob Bidin	-Pertempuran di Pasir Panjang

Apakah iktibar daripada perjuangan mereka?

- A Kerjasama dalam perancangan
- B Sedia berkorban untuk negara
- C Bijak membuat keputusan
- D Rajin mencari ilmu baharu

40. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 - 1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik. Mengapakah perang tersebut berlaku?

- A Peluasan ideologi komunis
- B Pembunuhan bakal maharaja
- C Kegagalan perjanjian damai
- D Keperluan bidang perindustrian

41 Apakah matlamat penubuhan Force 136 pada tahun 1943?

- A Menubuhkan pasukan gerila
- B Menentang penjajahan British
- C Melatih rejimen askar Melayu
- D Menjalin kerjasama rakyat

42 Apakah faktor teretusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939-1945?

- A Krisis rantau Balkan
- B Pakatan ketenteraan
- C Persaingan kuasa imperialis
- D Kemunculan ideologi baru

43 Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu lebih kurang 14 hari. Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan?

- I Membuat kad catuan makanan
 - II Membentuk kampung baharu
 - III Membunuh pegawai daerah
 - IV Menguasai balai polis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

44 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan nasionalisme di Eropah.

Revolusi Keagungan (1688) Revolusi Perancis (1789)

Apakah persamaan kedua-dua revolusi tersebut?

- I. Bersifat anti raja
 - II Berteraskan hak rakyat
 - III Menggunakan kekerasan
 - IV Melibatkan golongan tentera
- A I dan II
 - B I dan VI
 - C II dan III
 - D III dan VI

45 Penubuhan Madrasah al-Masyhur telah meniupkan idea nasionalisme pada awal abad ke-20. Idea tersebut diterima melalui

- A karya agama
- B kunjungan ulama
- C pembacaan novel
- D penubuhan persatuan

Rajah berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.

**Persidangan Damai Paris
(1919)**

Deklarasi 14 Perkara
Woodrow Wilson

- 46 Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut ?
A Saiz angkatan tentera dihadkan
B Kuasa mutlak raja dikurangkan
C Sempadan negara berasaskan bangsa
D Pembentukan kerajaan bercorak republik

Pernyataan berikut menerangkan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang di Eropah dan di Asia Pasifik telah mengorbankan hampir 75 juta nyawa dan membawa kemusnahan harta benda.

- 47 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut ?
A Menghargai nikmat keamanan
B Kesepakatan membawa berkat
C Mengutamakan kekuatan tentera
D Kewibawaan pemimpin asas kejayaan

BAB 4 ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

Syarat kewarganegaraan berikut diberikan kepada seseorang individu kesan daripada perubahan pentadbiran di Tanah Melayu pada abad ke-20.

Kewarganegaraan berasaskan prinsip *jus soli*
Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura
Berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara

- 48 Perubahan pentadbiran tersebut merujuk kepada pelaksanaan pentadbiran
A Melayu Raya
B Malayan Union
C Persekutuan Malaysia
D Persekutuan Tanah Melayu

Rajah berikut berkaitan kongres yang diadakan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

Tarikh 1 Mac – 4 Mac 1946
Tempat. Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur

- 49 Apakah kesan daripada kongres tersebut ?
A Penubuhan UMNO
B Pengunduran tentera Jepun
C Pelaksanaan perintah berkurung
D Pengharaman parti politik radikal

50. Apakah bentuk bantahan Raja-raja Melayu terhadap Malayan Union?

- A. Menyokong Kongres Melayu
B. Menulis dalam akhbar
C. Mengutuk Malayan Union
D. Menghadiri upacara pelantikan Gabenor


51 Mengapakah Rukun 13 ditubuhkan?

- A Menyokong penyerahan Sarawak
B Mempertahankan hak penduduk
C Memelinara kesucian agama Islam
D Menghapuskan pegawai tinggi British

52. Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan di Tanah Melayu pada tahun 1946

Apakah X?

- A Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- B Persekutuan Tanah Melayu
- C Gagasan Malayan Union
- D Negeri-negeri Selat



53. Bagaimanakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?

- I Menghantar surat bantahan
 - II Membawa kes ke mahkamah
 - III Menubuhkan persatuan Melayu
 - IV Menggunakan akhbar tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

54 British Military Administration (BMA) merupakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu yang bermula pada 12 September 1945. Apakah peranan pentadbiran tersebut?

- A Menangani demonstrasi penduduk
- B Menghalang kemasukan penjajah
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Melatih penduduk tempatan

55 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sabah.

Tarikh	26 Jun 1946
Peristiwa	Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British

Mengapakah penyerahan tersebut dilakukan?

- I Kedudukan yang strategik
 - II Kekayaan bahan mentah
 - III Kawasan pasaran utama
 - IV Kemajuan sistem prasarana
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

56. Kongres Melayu menunjukkan kesungguhan orang Melayu menolak Malayan Union dengan sokongan Raja-raja Melayu. Apakah bukti sokongan tersebut?

- A Memberi bantuan kewangan
- B Meluluskan penubuhan kongres
- C Memastikan sokongan British
- D Mendapatkan bantuan luar

57. Senarai berikut menunjukkan pertubuhan yang menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

- Kesetiaan Muda Matu
- Pergerakan Pemuda Melayu
- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Apakah bentuk penentangan tersebut?

- I Mengadakan demonstrasi
 - II Menghantar surat bantahan
 - III Melancarkan pemberontakan
 - IV Memulau pentadbiran British
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

58. Penubuhan Malayan Union mendapat pelbagai reaksi daripada pemimpin dan rakyat di Tanah Melayu. Apakah reaksi daripada Raja-raja Melayu terhadap pelaksanaan tersebut?

- A Menghantar surat bantahan ke London
- B Berunding dengan pegawai British
- C Meminta bantuan tentera luar
- D Bersedia dengan perubahan

59. Peta berikut menunjukkan keseluruhan negeri Sabah telah diserahkan kepada British.

Apakah faktor penyerahan tersebut?

- A Permintaan penduduk tempatan
- B Masalah kewangan SBUB meruncing
- C Dasar British dalam pentadbiran tempatan
- D Organisasi pentadbiran dapat dimantapkan

60. Apakah kesan pelaksanaan kandungan kertas putih berikut?

Kertas Putih 6724 membentangkan 13 perkara kandungan Malayan Union yang diluluskan oleh Parlimen British di London pada 22 Januari 1948

- A Dasar dekolonisasi dilaksana
- B Pemerintahan beraja diperkukuh
- C Tanah Melayu menjadi tanah jajahan
- D Pembahagian kuasa kerajaan diperkenal

61. Kata-kata berikut tertera pada sepanduk dalam demonstrasi penduduk Sarawak semasa kedatangan Gabenor pertama Sarawak pada tahun 1946.

"Kami membantah dengan sekeras-kerasnya atas tindakan Brooke menyerahkan Sarawak kepada kolonial Inggeris"

Mengapakah penduduk Sarawak memberi reaksi sedemikian?

- A Sempadan negeri diubah
- B Majlis Tertinggi dibubar
- C Taraf berkerajaan sendiri terjejas
- D Ekonomi orang tempatan diganggu

BAB 5 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Petikan berikut menerangkan hartal yang diadakan di negara kita pada tahun 1940-an.

20 SEPTEMBER 1947- Parti gabungan PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal dengan meminta semua peniaga menutup kedai mereka.

62 Mengapakah parti tersebut bertindak demikian ?

- A Penjajahan tentera Jepun
- B Pengenalan Malayan Union
- C Penolakan Perlembagaan Rakyat
- D Pembubaran Parti Komunis Malaya

63 Mary dilahirkan di Amerika Syarikat namun bapanya merupakan Rakyat Raja dan Rakyat British.

Mary layak memperoleh kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948 secara

- A naturalisasi
- B pendaftaran
- C percantuman wilayah
- D kuat kuasa undang-undang

64 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditandatangani pada 21 Januari 1948 membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Mengapakah Raja-raja Melayu bersetuju menandatangani perjanjian tersebut?

- I Dasar dekolonisasi dilaksanakan
 - II Taraf tanah naungan dikembalikan
 - III Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
 - IV Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

65. Apakah matlamat utama perjuangan nasionalis Melayu radikal semasa memperjuangkan kemerdekaan penghujung tahun 1930-an?

- A Menobatkan Bahasa Melayu
- B Mengukuhkan perpaduan
- C Membebaskan tanah air
- D Menganjurkan kongres

66 Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.

Manakah yang berikut merupakan bidang kuasa mailis tersebut?

- I Hal ehwal luar
- II Ketenteraman awam
- III Pelantikan pemerintah
- IV Syarat kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan VI
- C II dan III
- D I dan IV

67 Apakah peranan utama Raja-raja Melayu setelah Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menjadi tonggak utama kerajaan
- B Memupuk perpaduan antara kaum
- C Mendukung perjuangan maruah bangsa
- D Menuntut kemerdekaan daripada British

68 Mengapakah orang Melayu tidak menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1948?

- A Undang-undang tradisional tamat
- B Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
- C Singapura dipisahkan daripada persekutuan
- D Kaum imigran tidak diberikan taraf warganegara

69 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1 Februari 1948	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Parti-parti politik digabungkan
- C Syarat kerakyatan dipermudah
- D Diiktiraf sebagai penduduk asal

70 Peristiwa berikut berkaitan protes tanpa keganasan yang dianjurkan oleh PUTERA-AMCJA.

Tarikh	Peristiwa
20 September 1947.	Hari Hartal Se-Malaya

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penutupan kedai oleh peniaga
- B Perhimpunan haram di bandar
- C Persidangan menyokong raja
- D Penentangan secara radikal

71 Bagaimanakah perpaduan antara kaum dapat diwujudkan dalam Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948?

- A Pembentukan Majlis Raja-Raja Melayu
- B Penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu
- C Pengenalan Majlis Perundangan Persekutuan
- D Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

BAB 6 ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

72 Maklumat berikut tentang sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan di Tanah Melayu.

Orang awam yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja mulai tahun 1948.

Apakah kebaikan program tersebut terhadap kerajaan?

- A Memutuskan hubungan dengan komunis
- B Mengelakkan penduduk menyokong komunis
- C Membezakan orang awam dengan komunis
- D Menawarkan pengampunan kepada komunis

73 Perang saraf ialah rancangan yang dilakukan untuk menghapuskan komunis. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan perang saraf?

- I Menawarkan hadiah wang tunai
 - II Mengadakan perintah berkurung
 - III Mengukuhkan pasukan tentera
 - IV Melonggarkan syarat kerakyatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

74 Apakah peristiwa yang membawa kepada perisytiharan darurat di seluruh Tanah Melayu pada 18

Jun 1948?

- A Ancaman gerakan Min Yuen
- B Serangan terhadap balai polis Bukit Kepong
- C Pembunuhan pengurus ladang Eropah di Sungai Siput
- D Pembunuhan Sir Henry Gurney, Persuruhjaya Tinggi British

75 Jadual berikut berkaitan peristiwa pada zaman darurat.

Tarikh	Peristiwa
17 Julai 1948	Perisytiharan darurat oleh Persuruhjaya Tinggi British
31 Ogos 1957	Perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman
31 Julai 1960	Perisytiharan tamat darurat oleh Yang di-Pertuan Agong

Mengapakah kemerdekaan Tanah Melayu diisytiharkan semasa zaman darurat?

- A Melaksanakan tuntutan Rundingan Baling
- B Merealisasikan cadangan Suruhanjaya Reid
- C Melemahkan alasan perjuangan Parti Komunis Malaya
- D Memenuhi desakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

76 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Membunuh pekerja ladang

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegerakan sektor perusahaan
- B Menyusun semula sistem pemilikan
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan kegiatan ekonomi

77 Mengapakah rakyat bergantung pada makanan berikut semasa zaman darurat?

- * Jagung
- * Keledek
- * Ubi Kayu

- A Catuan bekalan makanan
- B Sekatan perintah berkurung
- C Kerosakan peralatan pertanian

D Kemusnahan ladang getah

78 Menjelang bulan Disember 1947 hingga Mei 1948, PKM telah berjaya menguasai 35 kesatuan sekerja.

Apakah kesatuan sekerja tersebut?

- A Comintern
- B Kuomintang
- C Angkatan Pemuda Insal
- D Pao-Malayan Federation of Trade Unions

79 Apakah parti yang diwakili oleh tokoh berikut semasa Rundingan Baling?



- A Parti Komunis Malaya
- B Pusat Tenaga Rakyat
- C Malayan Chinese Association
- D All Malayan Council of Joint Action

80 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?

- A Penubuhan Parti Komunis Nanyang
- B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- C Keinginan menguasai bahan mentah
- D Perluasan pengaruh Parti Komunis China

81 Pada zaman darurat pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan di Tanah Melayu. Apakah kesan situasi tersebut?

- A Pertambahan buruh asing
- B Peningkatan harga barang
- C Pengawalan barangan import
- D Pengeluaran tanaman dagangan

82 Senarai berikut merupakan tokoh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang berusaha menyebarkan fahaman komunis di negara .

- Alimin
- Tan Melaka
- Sultan Pepateh

Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- A Kekejaman tentera Jepun
- B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- C Kekosongan politik di Tanah Melayu
- D Keinginan meluaskan pengaruh

83 Bagaimanakah kerajaan British dapat membezakan orang awam dengan komunis semasa zaman darurat ?

- I. Pengenalan sijil kelahiran
- II. Permit pergerakan penduduk
- III. Sistem pendaftaran kebangsaan
- IV Penggunaan kad pengenalan

- A. I dan II
- B. I d a n IV
- C. II dan III
- D III dan IV

84 Gambar 1 dan 2 berikut berkaitan dengan kerosakan yang dilakukan oleh Komunis Tanah Melayu.



Gambar 1



Gambar 2

Mengapakah mereka bertindak demikian?

- I Menamatkan Malayan Union
 - II Menentang pentadbiran Jepun
 - III Menubuhkan kerajaan republik
 - IV Melumpuhkan ekonomi negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

85 Bagaimanakah kerajaan mengawal pergerakan penduduk di bawah Undang-Undang Darurat?

- I Penggunaan kad pengenalan
 - II Sistem pendaftaran kebangsaan
 - III Penubuhan pasukan perisikan
 - IV Meyerang kubu komunis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

86. Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh berikut?

- * Karl Marx
- * Friedrich Engels

- A Sekularisme
- B Komunisme
- C Kapitalisme
- D Sosialisme

87. Gambar berikut merujuk kepada pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British.



Pasukan Home Guard

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Menjejak persembunyian pengganas
- B Menyekat bekalan makanan dan ubatan
- C Mempertahankan bandar dan kampung
- D Membuat rondaan di pinggir hutan

88 Maklumat berikut berkaitan ordinan yang diperkenalkan di Tanah Melayu.

Trade Union Ordinance No. 9 of 1948

Mengapakah ordinan tersebut diluluskan ?

- A Menyelaraskan upah pekerja
- B Menyekat kemasukkan imigran
- C Menghalang pengaruh komunis
- D Memajukan pertanian komersial

89 Pilih pasangan yang tepat tentang peranan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

- | | Pasukan | Tugas |
|---|--------------------|--|
| A | Home Guard | Melindungi pekerja lombong bijih timah |
| B | Auxiliary Police | Mengesan tempat persembunyian komunis |
| C | Senoi Praaq | Mempertahankan bandar dan kampung |
| D | Special Constables | Membuat rondaan di pinggir hutan |

BAB 7. USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

90. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?

- A Melaksanakan pilihan raya umum
- B Menentukan syarat kewarganegaraan
- C Melatih penduduk tempatan mentadbir
- D Memantapkan perlembagaan persekutuan

91. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem Pendidikan Kebangsaan.

Apakah hasrat jawatankuasa tersebut?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Mengasaskan idea kemerdekaan
- C Membasmi kemiskinan rakyat
- D Menjaga keamanan negara

92. Senarai berikut merupakan sekolah yang terdapat di Tanah Melayu.

- . Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah India
- Sekolah Inggeris

Apakah sistem persekolahan tersebut?

- A Sekolah umum
- B Sekolah rendah
- C Sekolah vernakular
- D Sekolah kebangsaan

93 Apakah kepentingan Sistem Ahli terhadap usaha ke arah kemerdekaan?

- A Melancarkan proses pilihan raya
- B Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- C Memastikan orang Melayu terlibat dalam pentadbiran
- D Memastikan setiap portfolio diketuai oleh Ahli yang dilantik oleh British

94. Antara berikut, yang manakah berkaitan tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

- I. Menentukan sempadan negeri
 - II. Merangka perlembagaan negara
 - III. Mewujudkan keadaan harmoni
 - IV. Membetulkan keadaan politik
- A. I dan II
 - B. I dan VI
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

95 Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951?

- A. Mengekalkan pentadbiran tradisional
- B. Melatih penduduk tempatan mentadbir
- C. Melaksanakan kempen pilihan raya
- D Mengiktiraf pemerintahan beraja

97. Antara yang berikut manakah objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) di Tanah Melayu?

- I. Mewujudkan keadilan ekonomi
- II. Memantapkan pendidikan kebangsaan
- III. Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah
- IV. Meningkatkan hubungan kaum yang mendalam

- A. I dan II
- B. I dan VI
- C. II dan III
- D. III dan IV

98. Gambar berikut berkaitan kerjasama politik ke arah mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu.



Apakah motif pembentukan perlembagaan tersebut?

- A. Membina negara bangsa
- B. Memupuk kerjasama kaum
- C. Memperkasa jati diri bangsa
- D Merancang proses pilihan raya

99 Maklumat berikut berkaitan isu yang perlu diselesaikan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).

Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan

Apakah agensi yang ditubuhkan untuk menyelesaikan isu tersebut?

- A Perbadanan Nasional Berhad
- B Majlis Tindakan Ekonomi Negara

C Perbadanan Pembangunan Bandar
D Lembaga Pembangunan Industri Desa

100 Gerakan politik berikut terlibat dalam kerjasama ke arah kemerdekaan.

- Persidangan Kebangsaan
- * Konvensyen Kebangsaan

Apakah persamaan gerakan politik tersebut!

- A Menerima satu kewarganegaraan
- B Membentuk Dewan Perundangan
- C Mengadakan pilihan raya Persekutuan
- D Menyokong penubuhan Majlis Raja-Raja

101 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)

Tarikh Januari 1949 dengan menghimpunkan pemimpin
Penubuhan utama masyarakat pelbagai kaum
Objektif. Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?

- A Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- B Menubuhkan parti politik pelbagai kaum
- C Memperkenalkan sistem sekolah vernakular
- D Memberikan hak sama rata kepada semua kaum

102 Laporan manakah mencadangkan syor berikut sebagai usaha memupuk perpaduan melalui pendidikan?

Sistem Persekolahan Baharu
Sekolah Rendah

- Sekolah Umum menggunakan bahasa Melayu
 - Sekolah Jenis Umum menggunakan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil
- Sekolah Menengah
* Sekolah Menengah Kebangsaan

menggunakan bahasa Melayu

- A Laporan Barnes 1951
- B Laporan Fenn-Wu 1951
- C Laporan Woodhead 1955
- D Laporan Razak 1956

103 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Mendapat hak sama rata
- C Mengelakkan kekacauan
- D Melicinkan pentadbiran

104 Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951.

Bagaimanakah sistem tersebut selaras dengan proses dekolonisasi kerajaan British?

- A Pemerintahan bebas daripada kawalan berpusat
- B Pemimpin tempatan merangka dasar kerajaan
- C Pengiktirafan terhadap pemerintahan beraja
- D Penduduk tempatan diberi peluang mentadbir

105 Gambar berikut ialah seorang tokoh Sistem Ahli iaitu E.E.C Thuraisingham.

E.E.C. Thuraisingham



Apakah portfolio beliau ?

- A Ahli Pelajaran
- B Ahli Kesihatan

- C Ahli Hasil Bumi
- D Ahli Kerja Raya

106 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pendidikan kebangsaan.

- X
- * Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu.
 - * Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau bahasa Tamil.

Apakah X?

- A Ordinan Pelajaran 1952
- B Laporan Fenn-Wu 1951
- C Laporan Woodhead Sarawak 1955
- D Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956

Isu berikut dihadapi orang Melayu sebelum kemerdekaan Tanah Melayu.

Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan

- 107 Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mengatasi isu tersebut ?
- A Menetapkan kuota pelaburan asing
 - B Mengurangkan kemasukan golongan imigran
 - C Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
 - D Menggiatkan fungsi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Maklumat berikut berkaitan sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Sekolah Melayu
Sekolah Cina
Sekolah Tamil

- 108 Apakah kesan daripada pendidikan tersebut ?
- A Perpaduan sukar dicapai
 - B Pengaruh komunis tersekat
 - C Kemahiran pekerja meningkat
 - D Kemasukkan imigran bertambah

BAB 8 PILIHANRAYA

109. Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama telah diadakan pada tahun 1951. Apakah kawasan pilihan raya tersebut?
- A Ipoh, Perak
 - B Kuantan, Pahang
 - C Johor Bahru, Johor
 - D George Town, Pulau Pinang

110. Apakah peranan kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- A Membincangkan hal ehwal luar negara
 - B Mengurangkan kuasa pentadbiran British
 - C Mewujudkan hubungan muhibah antara kaum
 - D Mengadakan perkongsian dalam pentadbiran

111. Apakah kesan penubuhan majlis berikut terhadap Tanah Melayu?
- Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955

- A Institusi raja diperkukuhkan
- B British memberikan kemerdekaan
- C Kuasa mentadbir di tangan rakyat tempatan
- D Tanah Melayu bebas daripada ancaman komunis

- 112 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?

- I Menjalinkan kerjasama diplomatik

- II Mengurangkan kemasukan orang asing
- III Membincangkan isu keselamatan
- IV Membincangkan soal kewangan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

113. Hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 ditetapkan pada 15 Jun 1955.

Jika Encik Ahmad dapat bertanding dalam pilihan raya tersebut, apakah syarat yang telah dipenuhi?

- I Bebas daripada hutang
- II Berumur 18 tahun ke atas
- III Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- IV Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

114 Maklumat berikut berkaitan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan.

Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang bertugas selepas penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah tugas pegawai British tersebut?

- A Penyelia pentadbiran
- B Penasihat keselamatan
- C Penyelia infrastruktur
- D Penasihat perundangan

115. Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan .

Apakah perkara yang membolehkan pilihan raya diadakan?

- A Kelulusan Dewan Rakyat
- B Persetujuan oleh pegawai British
- C Rang Undang-undang diluluskan
- D Mendapat perkenan ketua kerajaan

116. Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?

- A. Mengesah rang undang-undang
- B. Meningkatkan hubungan diplomatik
- C. Membincang urusan kewangan
- D. Memperkenalkan hak kesamarataan

117. Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 menunjukkan tolak ansur dalam negara ketika itu. Tolak ansur tersebut dibuktikan dengan

- A perkongsian kuasa antara kaum
- B pengamalan demokrasi dalam negara
- C persefahaman British dengan pemimpin
- D kejayaan pentadbiran pihak British

118 Apakah syarat untuk menjadi calon pada pilihan raya Majlis Persekutuan 1955?

- I. Berumur 18 tahun ke atas
- II. Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- III. Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu
- VI Bermastautin dalam tempoh 6 bulan sebelum hari penamaan calon

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

119 Mengapakah Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan?

- A Meluluskan lambang parti calon
- B Menentukan kawasan pilihan raya

- C Mengendalikan kempen pilihan raya
- D Menjalankan pendaftaran parti politik

120 Maklumat berikut merujuk kepada ucapan perasmian Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1955.

Apakah majlis yang dimaksudkan dalam ucapan tersebut?

- A Majlis Raja-raja Melayu
- B Majlis pelantikan Ketua Menteri
- C Majlis Pilihan Raya Persekutuan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

121 . Maklumat berikut berkaitan dengan Pilihan Raya Umum Pertama di negara kita.

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- * Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan
- * Diisytiharkan oleh Sir Donald MacGillivray

Apakah kepentingan pilihan raya tersebut?

- A Menamatkan darurat
- B Mengukuhkan institusi raja
- C Merintis kemerdekaan negara
- D Melindungi kepentingan ekonomi

122. Gambar berikut berkaitan anggota kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah peranan kabinet tersebut?
I Membincangkan soal kewangan
II Memantapkan pemerintahan beraja

- III Merangka sistem pendidikan kebangsaan
- IV Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Pernyataan berikut berkaitan rundingan yang diadakan di London.

Pada 14 Mei 1954, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British di London.

- 123 Apakah isu yang dibincangkan dalam rundingan tersebut ?
- A Pembubaran Sistem Ahli
 - B Penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya
 - C Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
 - D Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan

Petikan berikut merupakan sebahagian ucapan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955.

“ Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini...Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti

- 124 Majlis dalam petikan tersebut merujuk kepada
- A Majlis Raja-Raja Melayu
 - B Majlis Eksekutif Persekutuan
 - C Majlis Mesyuarat Perundangan
 - D Majlis Perundangan Persekutuan

BAB 9 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

125 Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut terhadap negara kita ?

Dato' Panglima Bukit Gantang
Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

- A Menubuhkan Parti Perikatan
- B Menyertai rombongan kemerdekaan
- C Menggubal perlembagaan Persekutuan
- D Merangka dasar pendidikan kebangsaan

Pertubuhan berikut telah mengemukakan memorandum bertulis kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Parti Perikatan
Dewan Perniagaan Melayu
Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya

126 Apakah isu yang disuarakan dalam memorandum tersebut ?

- A Pilihan raya
- B Agama rasmi
- C Kewarganegaraan
- D Bahasa kebangsaan

127 Rajah berikut berkaitan dengan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.

Mengapakah anggota rombongan menggunakan pengangkutan yang berbeza ?

- A Menyusun anggota kabinet kerajaan
- B Menjimatkan kos anggota rombongan
- C Membincangkan pelantikan Jemaah menteri
- D Menyusun strategi rundingan dengan British

128. Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A British mengawal sistem kewangan
- B Pengekalan jawatan Pesuruhjaya Tinggi
- C Pemansuhan prinsip pengasingan kuasa
- D Pengamalan sistem Demokrasi Berparlimen

129 Tunku Abdul Rahman dan wakil raja-raja Melayu telah mengadakan satu misi rundingan di London berkaitan kemerdekaan.

Pada pendapat anda, apakah semangat yang dimiliki oleh anggota rombongan tersebut?

- A Berani
- B Amanah
- C Patritotik
- D Toleransi

Gambar 3 berikut menunjukkan perarakan Tunku Abdul Rahman ke Banda Hilir, Melaka selepas tiba dari rundingan di London.



Gambar 3

130. Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Pemilihan wakil rakyat
- B Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
- C Parti perikatan berjaya dalam Pilihan Raya
- D Memohon kemerdekaan penuh pada tahun hadapan

Rombongan kemerdekaan menaiki kapal laut, *M.V. Asia* berlepas dari Singapura ke London.

Rombongan ini singgah di Karachi, Pakistan dan menaiki kapal terbang ke London.

Gambar berikut berkaitan dengan Rundingan London yang berlangsung pada tahun 1956.



Sumber: Jabatan Warisan Negara

131 Hasil rundingan tersebut ialah
A pelaksanaan pilihan raya umum
B penubuhan Suruhanjaya Cobbold
C pemberian kemerdekaan tanah air
D pengenalan kerakyatan jus soli

Berikut adalah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Kewarganegaraan
- Pengamalan demokrasi berparlimen
- x

132 Apakah X?

- A. Kebudayaan pelbagai kaum
- B. Keistimewaan kaum lain
- C. Kemajuan ekonomi negara
- D. Kedudukan Agama Islam


133 Manakah menjadi pilihan masyarakat dan pemimpin Tanah Melayu dalam Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?

- I. Kedudukan Raja Melayu dipelihara
- II. Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja
- III Kepatuhan rakyat kepada demokrasi berparlimen

VI Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan kaum lain

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

134 Garis masa berikut berkaitan kronologi sebelum Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah X?

- A. Dilulus oleh Majlis Perundangan Persekutuan
- B. Mendapat persetujuan untuk diperkenankan
- C. Dibentang kepada Raja-raja negeri Melayu
- D. Membahas Rang Undang-undang khas

135. Maklumat berikut berkaitan dengan reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tarikh
4 hingga 7 Mei 1957.

Peristiwa
Mengadakan kongres untuk
Membincangkan draf Perlembagaan PTM

Apakah parti yang menyertai kongres tersebut?

- A Parti Komunis Malaya
- B Parti Perikatan
- C Parti Rakyat
- D Parti Buruh

136. Maklumat berikut berkaitan suruhanjaya yang dibentuk pada 8 Mac 1956 setelah mendapat perkenan Raja-raja Melayu.

Pengerusi	Lord Reid (Britain)
Ahli	Sir William Ivor Jennings (Britain)
	Sir William Mckell (Australia)
	Hakim B. Malik (India)
	Hakim Abdul Hamid (Pakistan)

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A Mengkaji Dasar Pendidikan Kebangsaan
- B Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- C Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama
- D Melaksanakan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

137 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.

- *Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- * X

Apakah X?

- A Menetapkan sempadan negeri
- B Merangka perlembagaan negara
- C Menggubal syarat kerakyatan
- D Mencadangkan tarikh pilihan raya

138 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan

- III Agama Islam sebagai agama persekutuan
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

139 Apakah intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A Pelaksanaan pilihan raya umum
- B Kerajaan persekutuan yang kukuh
- C Persempadanan antara negeri
- D Kedudukan agama Islam

140 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu antara Raja-raja Melayu dengan pihak British telah menjadi asas kemerdekaan negara.

Apakah nilai yang ditunjukkan melalui peristiwa tersebut?

- A Permuafakatan
- B Sedia berkorban
- C Tanggungjawab
- D Taat setia

BAB 10 PEMAHSYURAN KEMERDEKAAN

141 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemaahsyuran kemerdekaan negara.

Sambutan kemerdekaan dinantikan oleh rakyat sehinggakan semua tiket Keretapi Tanah Melayu dan tiket bas habis ditempah.

Apakah yang boleh dirumuskan dengan situasi tersebut?

- A Berbangga menyambut kemerdekaan
- B Bergembira menyambut kemerdekaan
- C Bersatu hati menyambut kemerdekaan
- D Bersyukur menyambut kemerdekaan

142 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

- * Pembangunan Luar Bandar
- * Rancangan Buku Merah

Apakah persamaan kedua-dua rancangan tersebut?

- A Penyediaan kemudahan asas
- B Peluang pekerjaan bertambah
- C Pembukaan tanah pertanian baru
- D Pembinaan perumahan kos rendah

143 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- *Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- *Jawatankuasa Sambutan

Mengapakah persediaan sambutan kemerdekaan tersebut penting?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

144 Maklumat berikut berkaitan satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

*Rancangan Buku Merah

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Pembukaan tanah baharu
- B Pengeluaran makanan mencukupi
- C Pemulihan kesihatan penduduk
- D Projek kemudahan asas

145 Apakah tugas Jawatankuasa Persediaan Fizikal yang ditubuhkan sebagai persediaan menyambut kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957?

I Menentukan bunga kebangsaan

- II Menonjolkan identiti negara
 - III Menganjurkan kursus protokol
 - IV Menyediakan pakaian seragam menteri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

146 Rancangan berikut diperkenalkan setelah negara kita mencapai kemerdekaan.

*Rancangan Buku Merah dilancarkan pada 25 Januari 1961

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Memajukan pendidikan
- B Memodenkan pertanian
- C Membangunkan prasarana
- D Membanteras ancaman komunis

147 Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman mendapatkan bantuan Britain selepas negara kita mencapai kemerdekaan?

- A Mengeratkan dengan negara luar
- B Mendapatkan latihan pertahanan dari luar
- C Melakukan pertukaran idea dan teknologi
- D Menandatangani Anglo Malayan Defence Agreement

148 Gambar berikut merupakan lambang kobangsaan negara.



Apakah kepentingan lambang tersebut?

- A Jati diri rakyat
- B Sikap keterbukaan
- C Kehebasan Dersuara

D Kewibawaan pernerintah
149. Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal sebelum menyambut kemerdekaan 31 Ogos 1957?

- A Menghargai perjuangan wira negara
- B Pembahagian tugas pegawai tempatan
- C Pengalaman dalam mengurus sambutan
- D Memberi detik bermakna kepada negara

150. Maklumat berikut berkaitan kesan pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan

- * Membina sebuah bangsa bagi negara yang bersatu
- * Mengeluarkan Penyata Rahman Talib

Bagaimanakah hasrat tersebut dicapai?

- A. Mewujudkan pusat bahasa tempatan
- B. Menubuhkan institut kajian dasar sosial
- C. Mengadakan kempen memperkaya bahasa
- D. Menjadikan Bahasa Melayu bahasa pengantar

151 Mahatma Gandhi mentakrifkan kemerdekaan sebagai

- A bebas mengurus negara.
- B kebebasan melalui politik.
- C perjuangan menghadapi penjajah.
- D mewujudkan negara berdaulat.

152 Peristiwa bersejarah berikut berlaku di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada masyarakat Tanah Melayu?

- A Kempen pilihan raya umum
- B Kunjungan pemimpin negara luar
- C Tamatnya penjajahan kuasa asing
- D Pembentukan Persekutuan Malaysia

153 Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara.

Bagaimanakah generasi hari ini menghargai jasa mereka?

- A Menuntut pelbagai kemahiran
- B Mematuhi perundangan negara
- C Membangunkan ekonomi negara
- D Menyanjungi pengorbanan mereka

154 Apakah persamaan peranan kedua-dua institusi berikut?

- Parlimen
- Dewan Undangan Negeri

- A Menggubal perundangan
- B Menjalinkan pentadbiran
- C Menentukan dasar kerajaan
- D Menentukan hala tuju negara.

155. Mengapakah peristiwa pemasyhuran kemerdekaan amat penting kepada Persekutuan Tanah Melayu?

- A Pengukuhan kuasa pemerintahan
- B Mengukuhkan perpaduan kaum
- C Bebas daripada penjajahan asing
- D Pengamalan amalan demokrasi



156. Gambar berikut menunjukkan Buku Merah yang dilancarkan pada tahun 1961 dalam Rancangan Malaya Kedua.

- Mengapakah rancangan di atas diperkenalkan?
- A Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
 - B Memantau kecekapan pengurusan syarikat
 - C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
 - D Mengawal kemasukan buruh luar

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

157 Mengapakah jawatankuasa berikut dibentuk ?

- A Memupuk perpaduan antara kaum
- B Menyediakan perumahan kos rendah
- C Meningkatkan taraf kesihatan rakyat
- D Menonjolkan identiti negara merdeka

158. Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1950-an.

Bendera *Union Jack* diturunkan
Lagu *God Save The Queen*
dimainkan

Apakah kepentingan peristiwa tersebut ?

- A Menandakan berakhirnya pentadbiran Britain
- B Mengiktiraf kedaulatan Majlis Raja-Raja Melayu
- C Mengesahkan pelantikan Gabenor Malayan Union
- D Memperakui kesahihan keputusan Pilihan Raya Umum

-KERTAS SOALAN TAMAT-